

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH B. NIK
ABDUL AZIZ (BACHOK)**

SOALAN

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kes rogol kanak-kanak, wanita bagi kes rogol tanpa bunuh dan rogol bunuh mengikut negeri bagi tahun 2010-2018.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kes rogol dan bunuh yang melibatkan mangsa wanita dan kanak-kanak bagi tempoh 2010 hingga 2018 adalah sebanyak 29 kes. Bagi tempoh yang sama, kes rogol yang tidak melibatkan kematian adalah sebanyak 4,790 kes yang melibatkan mangsa wanita dan 15,090 kes yang melibatkan mangsa kanak-kanak.